

Headline **Saintis khasiat herba**
Date **03. May 2009**
Media Title **Berita Minggu**
Section **Supplement**
Circulation **342946**
Readership **2476000**

Language **MALAY**
Page No **5**
Article Size **372** cm2
Frequency **Daily**
Color **One Spot Color**
AdValue **5705.42**



Saintis khasiat herba



Oleh Nurul Adlina Kamaludin
adlina@bharian.com.my

NAMA Dr Rasadah Mat Ali mungkin asing bagi kita, tetapi hasil usaha gigih dan jasanya terkandung dalam sebahagian besar produk berasaskan herba tempatan digunakan ramai rakyat negara ini. Produk pelbagai jenama dalam bentuk minuman, krim kecantikan dan kapsul dengan manfaat seperti anti-radang dan antibakteria itu, asalnya hasil kajian Bahagian Tumbuhan Ubatan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) yang diterajui Rasadah selaku Pengarah Kanan serta barisan penyelidik.

Lebih membanggakan, anak kelahiran Kampung Sempering, Perlis, yang mempunyai pengalaman 20 tahun dalam bidang kajian herba, turut diiktiraf sebagai pakar herba tempatan dan di rantau ini.

Antara projek disertainya termasuk beberapa projek penyelidikan di bahagian Tumbuhan Ubatan ialah penggunaan kaedah piawaian dalam pembangunan produk nutraseutikal yang bermutu dan selamat berasaskan tumbuhan ubatan tempatan serta pembangunan produk pelangsing berasaskan tumbuhan ubatan tempatan.

Menariknya, semua produk ini sudah dikomersialkan kepada beberapa industri herba di Malaysia.

"Bidang kajian ini sudah menjadi sebatil dan sebahagian hidup saya. Ia bukan sekadar karier tetapi pada masa sama, menjadikan saya lebih menghargai anugerah alam ciptaan Allah.

"Ramai yang mungkin melihat tumbuhan sebagai pokok biasa, tetapi sebaik diletakkan di bawah mikroskop dan diasingkan, kita akan kagum dengan komponen kimianya yang pelbagai bentuk dan warna. Lebih istimewa, ia mempunyai pelbagai khasiat yang boleh diterokai dan dikomersialkan bagi manfaat ramai," katanya di pejabatnya terletak di tengah-tengah kawasan redup dan mendamaikan di Ibu pejabat Frim Kepong, baru-baru ini.

Kariernya sebagai saintis, berkait rapat dengan kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Botani, Ijazah Sarjana bidang Fitokimia dari Universiti Malaya, dan seterusnya Doktor Falsafah (Fitokimia) di King's College, University of London pada 1997.

Selain kesungguhannya, Rasadah turut berterima kasih kerana mendapat sokongan Frim sejak menjejakkan kaki di agensi itu pada 1988 hinggalah ke hari ini.

Namun, lingkaran hidupnya menepati pepatah kejayaan tidak datang bergolek. Malah ketika rancak menceritakan minat dan pengalamannya meneroka kehebatan herba tempatan, Rasadah secara

tiba-tiba menjadi sebak apabila diminta mengimbas jejak kejayaannya.

Biarpun ayah dan ibu, Allahyarham Mat Ali Yunus dan Timah Ahmad buta huruf, mereka menerapkan semangat cintakan pelajaran kepada anak.

"Usaha mereka tidak sia-sia kerana kami adik beradik berjaya dalam bidang masing-masing biarpun abang dan kakak dihantar ke sekolah Arab dan saya dijadikan eksperimen oleh ayah, dihantar ke sekolah aliran Inggeris," katanya.

Beliau mengakui sedikit terkilan kerana kejayaannya hari ini tidak dapat disaksikan ayah dan ibu.

"Allahyham bapa saya meninggal akibat barah paru-paru, seminggu selepas saya menjejakkan kaki ke Universiti Malaya. Ibu saya pula meninggal ketika saya masih menjalani penyelidikan PhD di King's College, University of London pada 1996. Bagaimanapun, saya bahagia kerana sekurang-kurangnya ibu dapat merasa gaji saya selepas penat membesarkan diri ini," katanya.

Kini Rasadah boleh tersenyum bangga kerana hasil usahanya, Frim menjadi rujukan utama pengusaha herba kecil dan sederhana, pengkaji dan orang ramai yang mahu menyelami khasiat tumbuhan herba ini.

Rasadah diiktiraf pakar rujuk tumbuhan ubatan tempatan

tiba-tiba menjadi sebak apabila diminta mengimbas jejak kejayaannya.

Biarpun ayah dan ibu, Allahyarham Mat Ali Yunus dan Timah Ahmad buta huruf, mereka menerapkan semangat cintakan pelajaran kepada anak.

"Usaha mereka tidak sia-sia kerana kami adik beradik berjaya dalam bidang masing-masing biarpun abang dan kakak dihantar ke sekolah Arab dan saya dijadikan eksperimen oleh ayah, dihantar ke sekolah aliran Inggeris," katanya.

Beliau mengakui sedikit terkilan kerana kejayaannya hari ini tidak dapat disaksikan ayah dan ibu.

"Allahyham bapa saya meninggal akibat barah paru-paru, seminggu selepas saya menjejakkan kaki ke Universiti Malaya. Ibu saya pula meninggal ketika saya masih menjalani penyelidikan PhD di King's College, University of London pada 1996. Bagaimanapun, saya bahagia kerana sekurang-kurangnya ibu dapat merasa gaji saya selepas penat membesarkan diri ini," katanya.

Kini Rasadah boleh tersenyum bangga kerana hasil usahanya, Frim menjadi rujukan utama pengusaha herba kecil dan sederhana, pengkaji dan orang ramai yang mahu menyelami khasiat tumbuhan herba ini.